

**PENTERJEMAHAN LEKSIS KREATIF  
DALAM SASTERA KANAK-KANAK TERPILIH  
DARIPADA BAHASA INGGERIS KEPADA  
BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN KORPUS**

**ATIKAH BINTI ZABIR**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2021**

**PENTERJEMAHAN LEKSIS KREATIF  
DALAM SASTERA KANAK-KANAK TERPILIH  
DARIPADA BAHASA INGGERIS KEPADA  
BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN KORPUS**

**oleh**

**ATIKAH BINTI ZABIR**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2021**

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin daripada Nya, tesis ini telah dapat diselesaikan. Sepanjang tempoh pengajian ini, telah banyak perkara yang saya pelajari dan sungguh banyak pengajaran yang diperoleh melalui pengalaman ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Haslina Haroon yang sangat bermurah hati, teliti dan banyak bersabar dalam memberi tunjuk ajar serta bantuan sepanjang tempoh saya menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua pensyarah dan sahabat seperjuangan dari Bahagian Pengajian Terjemahan dan Interpretasi di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Sepanjang tempoh pengajian, saya berasa selesa dan diterima seperti sebahagian daripada ahli keluarga besar.

Buat adik-adik saya, Adilah, Afif, Ashila, Amer dan Hidayah, terima kasih kerana banyak bersabar, memahami dan setia memberi sokongan dan bantuan sejak awal pengajian saya. Terima kasih juga kepada Mimi Madihah, sahabat karib yang sentiasa bersedia untuk mendengar dan meringankan tekanan. Ramai lagi ahli keluarga, rakan-rakan dan kenalan yang tidak dapat saya senaraikan semuanya, tetapi jasa kalian saya sangat hargai. Semoga Allah merahmati kita semua.

Akhir sekali, tesis ini didedikasikan untuk ibu saya yang tercinta. Dalam segala susah payah yang saya lalui, ibu saya sentiasa teguh memberi sokongan. Kepercayaan dan doa ibu sentiasa menjadi kekuatan saya. Hanya Allah S.W.T. yang dapat membala jasanya. Semoga pengajian saya menjadi kebaikan untuk kami di dunia dan akhirat.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>xvii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>xviii</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xx</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar belakang kajian .....	1
1.3 Pernyataan masalah .....	3
1.4 Objektif kajian .....	10
1.5 Persoalan kajian .....	11
1.6 Kerangka teori .....	11
1.7 Metodologi kajian .....	14
1.8 Batasan kajian .....	16
1.9 Kepentingan kajian .....	17
1.10 Definisi konsep .....	19
1.10.1 Terjemahan sastera kanak-kanak .....	19
1.10.2 Leksis kreatif .....	19
1.10.3 Normalisasi .....	20
1.10.4 Peminjaman .....	20
1.10.5 Padanan kreatif .....	21
1.11 Organisasi kajian .....	21

<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KEPUSTAKAAN &amp; KERANGKA TEORI .....</b>	<b>23</b>
2.1	Pendahuluan .....	23
2.2	Sejarah perkembangan aktiviti penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Malaysia .....	23
2.3	Definisi sastera kanak-kanak .....	29
2.4	Fungsi dan peranan sastera kanak-kanak .....	36
2.5	Leksis kreatif .....	40
2.6	Kajian leksis menggunakan kaedah korpus .....	54
2.7	Penterjemahan leksis kreatif: kajian lepas .....	62
2.8	Kajian Penterjemahan Deskriptif ( <i>Descriptive Translation Studies</i> , Toury, 1995/2012) .....	68
2.9	<i>Laws of Translation</i> (Toury, 1995/2012) .....	75
2.10	Rumusan .....	84
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI .....</b>	<b>87</b>
3.1	Pendahuluan .....	87
3.2	Pembinaan korpus selari sastera kanak-kanak terpilih dalam bahasa Inggeris dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu .....	87
3.3	Analisis korpus monolingual: mengenal pasti item leksis kreatif dalam teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris .....	95
3.4	Analisis korpus selari: analisis normalisasi, peminjaman dan pembentukan semula leksis kreatif dalam penterjemahan .....	100
3.5	Analisis kecenderungan dalam penterjemahan leksis kreatif ke dalam bahasa Melayu berdasarkan hipotesis <i>Laws of Translation</i> ....	102
3.6	Perbincangan dapatan kajian berdasarkan hipotesis <i>Laws of Translation</i> .....	103
3.7	Rumusan .....	104
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA .....</b>	<b>106</b>
4.1	Pendahuluan .....	106
4.2	Kata majmuk .....	108

4.2.1	<i>Granny Onewhisker</i> .....	108
4.2.2	<i>Great Grandma Tanglefur</i> .....	109
4.2.3	<i>auntie Slimrat</i> .....	110
4.2.4	<i>Burt Burlyrat</i> .....	111
4.2.5	<i>Sandy Silverfur</i> .....	112
4.2.6	<i>Sally Skinnyfur</i> .....	112
4.2.7	<i>uncle Cheesebelly</i> .....	114
4.2.8	<i>Benny Bluewhiskers</i> .....	115
4.2.9	<i>Sydney Starfur</i> .....	116
4.2.10	<i>Daniel E. Deadfur</i> .....	116
4.2.11	<i>great uncle Coldpaw</i> .....	117
4.2.12	<i>Stuart Swingtail</i> .....	118
4.2.13	<i>Dr. Shrinkfur</i> .....	118
4.2.14	<i>Larry Labpaw</i> .....	119
4.2.15	<i>Edward S. Smugrat III</i> .....	120
4.2.16	<i>Samuel Stuffymouse</i> .....	121
4.2.17	<i>Colin Chattermouse</i> .....	122
4.2.18	<i>Ted Simplesnout</i> .....	123
4.2.19	<i>Sammy Slickpaw</i> .....	124
4.2.20	<i>Timothy T. Tidytail</i> .....	125
4.2.21	<i>Alrat Spitfur</i> .....	126
4.2.22	<i>Bill Blabberat</i> .....	126
4.2.23	<i>Tubby Tumblemouse</i> .....	127
4.2.24	<i>Sweetfur</i> .....	127
4.2.25	<i>Swissita Tenderfur</i> .....	127

4.2.26	<i>Brainypaw</i> .....	127
4.2.27	<i>Flip Hotpaws</i> .....	127
4.2.28	<i>Dr. Goodpaws</i> .....	127
4.2.29	<i>Penelope Poisonfur</i> .....	127
4.2.30	<i>Aunt Honeywhisker</i> .....	127
4.2.31	<i>Rattytrap Jungle</i> .....	130
4.2.32	<i>Holeycheese (1)</i> .....	132
4.2.33	<i>Holeycheese (2)</i> .....	132
4.2.34	<i>Cheddarface (1)</i> .....	133
4.2.35	<i>Cheddarface (2)</i> .....	133
4.2.36	<i>squeakerphone</i> .....	134
4.2.37	<i>mouse-to-mouse resuscitation</i> .....	135
4.2.38	<i>honest-to-goodmouse treasure</i> .....	136
4.2.39	<i>snoozytime tea</i> .....	136
4.2.40	<i>cheaprat</i> .....	138
4.2.41	<i>Ratburger</i> .....	139
4.2.42	<i>pawstroke</i> .....	140
4.2.43	<i>pawchair</i> .....	140
4.2.44	<i>pawshake</i> .....	140
4.2.45	<i>second-paw dealer</i> .....	140
4.2.46	<i>Pawprint Theater</i> .....	140
4.2.47	<i>Englishmice</i> .....	142
4.2.48	<i>workmouse</i> .....	142
4.2.49	<i>newspapermouse</i> .....	142
4.2.50	<i>salesmouse</i> .....	142

4.2.51	<i>Supermouse</i> .....	142
4.2.52	<i>Batmouse and Robin</i> .....	142
4.2.53	<i>Supermouse Bowl</i> .....	144
4.2.54	<i>James Bondrat</i> .....	144
4.2.55	<i>William Shakespearrat</i> .....	144
4.2.56	<i>WonderWitch</i> .....	145
4.2.57	<i>Ton-Tongue Toffee</i> .....	146
4.2.58	<i>Fizzing Whizbees</i> .....	147
4.2.59	<i>Toothflossing Stringmints</i> .....	148
4.2.60	<i>Butterbeer</i> .....	149
4.2.61	<i>Gobstones</i> .....	149
4.2.62	<i>Sleekeasy</i> .....	150
4.2.63	<i>Polyjuice Potion</i> .....	151
4.2.64	<i>Pepperup Potion</i> .....	151
4.2.65	<i>Spectrespecs</i> .....	152
4.2.66	<i>Put-Outer</i> .....	153
4.2.67	<i>Mudblood</i> .....	154
4.2.68	<i>Wonky-Faint</i> .....	155
4.2.69	<i>spokesgoblin</i> .....	157
4.2.70	<i>spokeswizard</i> .....	157
4.2.71	<i>mediwizard</i> .....	158
4.2.72	<i>Scrivenshaft</i> .....	159
4.2.73	<i>Crookshanks</i> .....	160
4.2.74	<i>Buckbeak</i> .....	161
4.2.75	<i>Bubotubers</i> .....	162

4.2.76	<i>Shrivelfigs</i> .....	162
4.2.77	<i>Stinksap</i> .....	162
4.2.78	<i>Flitterbloom</i> .....	162
4.2.79	<i>Flobberworm</i> .....	162
4.2.80	<i>Mother Quickfeet</i> .....	165
4.2.81	<i>Littlefeet</i> .....	166
4.2.82	<i>Witch Sharpeye</i> .....	167
4.2.83	<i>Silvertoes</i> .....	168
4.2.84	<i>Dame Thinkitout</i> .....	169
4.2.85	<i>Dame Snippit</i> .....	170
4.3	Kata lakur .....	173
4.3.1	<i>mouseum</i> .....	173
4.3.2	<i>famouse</i> .....	174
4.3.3	<i>fabumouse</i> .....	174
4.3.4	<i>ratoons</i> .....	175
4.3.5	<i>Saint Patrat's Day</i> .....	175
4.3.6	<i>Christmouse</i> .....	176
4.3.7	' <i>Crash Ratjack</i> .....	177
4.3.8	<i>Ratsy O'Shea</i> .....	178
4.3.9	<i>Sally Ratmousen</i> .....	179
4.3.10	<i>Mousella</i> .....	180
4.3.11	<i>Rodney Rulerat</i> .....	180
4.3.12	<i>Van Der Raten</i> .....	181
4.3.13	<i>Agatha Ratsie</i> .....	182
4.3.14	<i>Franz Ratka</i> .....	182

4.3.15	<i>Mario Mousetti</i> .....	184
4.3.16	<i>Harry Ratini</i> .....	184
4.3.17	<i>Mel Gibbsqueak</i> .....	185
4.3.18	<i>Christopher Columouse</i> .....	186
4.3.19	<i>Ratel</i> .....	186
4.3.20	<i>San Mouscisco</i> .....	188
4.3.21	<i>Mousehamas</i> .....	188
4.3.22	<i>Ratcatraz Prison</i> .....	189
4.3.23	<i>Mouseyland</i> .....	190
4.3.24	<i>Mouseyworld</i> .....	190
4.3.25	<i>MOUSAIR</i> .....	191
4.3.26	<i>Encyclopaedia Ratannica</i> .....	191
4.3.27	<i>Remembrall</i> .....	192
4.3.28	<i>Omnioculars</i> .....	193
4.3.29	<i>Spellotape</i> .....	193
4.3.30	<i>Plangentines</i> .....	194
4.3.31	<i>Animagus</i> .....	195
4.3.32	<i>Animagi</i> .....	195
4.3.33	<i>scrofungulus</i> .....	196
4.3.34	<i>Wizengamot</i> .....	196
4.3.35	<i>Mollywobbles</i> .....	197
4.3.36	<i>acromantula</i> .....	198
4.4	Penerbitan kreatif .....	201
4.4.1	<i>unmousy</i> .....	201
4.4.2	<i>mously</i> .....	201

4.4.3	<i>unDursleyish</i> .....	202
4.4.4	<i>Triwizard Tournament</i> .....	203
4.4.5	<i>Sneakoscope</i> .....	204
4.4.6	<i>lunascope (1)</i> .....	205
4.4.7	<i>lunascope (2)</i> .....	205
4.4.8	<i>lunascope (3)</i> .....	205
4.4.9	<i>gillyweed</i> .....	206
4.4.10	<i>gillywater</i> .....	207
4.4.11	<i>Dementor</i> .....	207
4.4.12	<i>Obliviators (1)</i> .....	208
4.4.13	<i>Obliviators (2)</i> .....	208
4.4.14	<i>Disapparate</i> .....	210
4.4.15	<i>Deluminator (1)</i> .....	210
4.4.16	<i>Deluminator (2)</i> .....	210
4.4.17	<i>Parseltongue</i> .....	212
4.4.18	<i>Parselmouth</i> .....	212
4.4.19	<i>Transmogrifian Torture</i> .....	213
4.4.20	<i>Gubraithian Fire</i> .....	214
4.4.21	<i>Confundus Charm</i> .....	215
4.4.22	<i>Confundo</i> .....	215
4.4.23	<i>Confunded</i> .....	215
4.4.24	<i>Muffliato</i> .....	217
4.4.25	<i>Expulso</i> .....	217
4.4.26	<i>Erecto</i> .....	217
4.4.27	<i>Silencio</i> .....	217

4.4.28	<i>Relashio</i> .....	217
4.4.29	<i>Geminio</i> .....	217
4.4.30	<i>Imperius</i> .....	219
4.4.31	<i>Deletrius</i> .....	220
4.4.32	<i>Dissendium</i> .....	220
4.4.33	<i>Petrificus Totalus</i> .....	221
4.4.34	<i>Wingardium Leviosa</i> .....	222
4.4.35	<i>Expecto Patronum</i> .....	222
4.4.36	<i>Prior Incantato</i> .....	223
4.4.37	<i>Priori Incantatem</i> .....	223
4.4.38	<i>Finite Incantatem</i> .....	225
4.4.39	<i>Serpensortia</i> .....	225
4.4.40	<i>Rictusempra</i> .....	225
4.4.41	<i>Expelliarmus</i> .....	225
4.4.42	<i>Levicorpus</i> .....	227
4.4.43	<i>Liberacorpus</i> .....	228
4.4.44	<i>Mobilicorpus</i> .....	228
4.4.45	<i>Mobiliarbus</i> .....	228
4.4.46	<i>Revelaspell</i> .....	229
4.4.47	<i>Homorphus Charm</i> .....	230
4.4.48	<i>Occlumency</i> .....	230
4.4.49	<i>Legilimency</i> .....	231
4.5	Ortografi kreatif .....	233
4.5.1	<i>escapators</i> .....	234
4.5.2	<i>Mimblewimble</i> .....	235

4.5.3	<i>Riddikulus</i> .....	236
4.5.4	<i>Kwikspell</i> .....	237
4.5.5	<i>Peskipiksi Pesternomi</i> .....	237
4.5.6	<i>Skele-Gro</i> .....	238
4.5.7	<i>Mirror of Erised</i> .....	239
4.5.8	<i>Pensieve</i> .....	240
4.5.9	<i>Diagon Alley</i> .....	241
4.5.10	<i>Knockturn Alley</i> .....	242
4.5.11	<i>Grimmauld Place</i> .....	242
4.5.12	<i>Kreacher</i> .....	242
4.5.13	<i>Floo Network</i> .....	244
4.6	Akronim .....	245
4.6.1	<i>VIR (Very Important Rodent)</i> .....	245
4.6.2	<i>O.W.L (Ordinary Wizarding Levels)</i> .....	246
4.6.3	<i>N.E.W.T. (Nastily Exhausting Wizarding Tests)</i> .....	246
4.6.4	<i>S.P.E.W. (Society for the Promotion of Elfish Welfare)</i> ....	247
4.7	Analisis jenis leksis kreatif: siri Geronimo Stilton .....	249
4.8	Analisis jenis leksis kreatif: siri Harry Potter .....	256
4.9	Analisis jenis leksis kreatif: siri koleksi cerita pendek Enid Blyton ....	267
4.10	Rumusan .....	269
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN KAJIAN .....</b>	<b>271</b>
5.1	Pendahuluan .....	271
5.2	Hubungan antara jenis leksis kreatif dengan tahap normalisasi leksis kreatif dalam penterjemahan .....	271
5.3	Analisis tahap normalisasi, padanan kreatif dan peminjaman leksis kreatif: siri Geronimo Stilton .....	275

5.4	Analisis tahap normalisasi, padanan kreatif dan peminjaman leksis kreatif: siri Harry Potter .....	287
5.5	Analisis tahap normalisasi, padanan kreatif dan peminjaman leksis kreatif: siri cerita pendek Enid Blyton .....	297
5.6	Analisis penterjemahan leksis kreatif berdasarkan hipotesis <i>Laws of Translation</i> (Toury, 1995/2012) .....	301
5.6.1	Pengurusan risiko dalam penterjemahan teks sastera kanak-kanak .....	303
5.7	Prosedur penterjemahan leksis kreatif .....	309
5.7.1	Penterjemahan Langsung .....	310
5.7.2	Penggantian .....	310
5.7.3	Generalisasi .....	310
5.7.4	Penerangan .....	310
5.7.5	Pengguguran .....	311
5.7.6	Peminjaman .....	311
5.7.7	Transkripsi .....	311
5.7.8	Penambahan .....	312
5.7.9	Pelakuran .....	312
5.7.10	Pembentukan ortografi kreatif .....	312
5.8	Rumusan .....	313
<b>BAB 6</b>	<b>KESIMPULAN .....</b>	<b>315</b>
6.1	Pendahuluan .....	315
6.2	Rumusan dapatan kajian .....	315
6.3	Kepentingan dan implikasi dapatan kajian .....	317
6.4	Batasan kajian .....	319
6.5	Cadangan kajian lanjutan .....	319
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>321</b>	

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1 Jenis sastera kanak-kanak .....	35
Jadual 2.2 Cadangan bentuk hipotesis menurut <i>Laws of Translation</i> ....	76
Jadual 3.1 Teks daripada siri Geronimo Stilton .....	90
Jadual 3.2 Teks daripada siri Harry Potter .....	91
Jadual 3.3 Teks daripada siri koleksi cerita pendek Enid Blyton .....	92
Jadual 3.4 Perincian teks terjemahan mengikut penterjemah, genre dan penerbit .....	93
Jadual 3.5 Perincian jumlah perkataan dalam korpus .....	94
Jadual 3.6 Contoh analisis penterjemahan leksis kreatif .....	101
Jadual 3.7 Contoh taburan item leksis kreatif yang dinormalisasikan mengikut jenis leksis .....	102
Jadual 3.8 Contoh taburan item leksis kreatif yang tidak dinormalisasikan .....	102
Jadual 3.9 Analisis normalisasi leksis kreatif mengikut teks .....	103
Jadual 3.10 Taburan item leksis kreatif yang tidak dinormalisasikan mengikut teks .....	103
Jadual 4.1 Jumlah item leksis kreatif mengikut teks .....	107
Jadual 4.2 Taburan leksis kreatif mengikut jenis pembentukan perkataan .....	108
Jadual 4.3 Senarai item kata majmuk dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu .....	171
Jadual 4.4 Senarai item kata lakur dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu .....	200
Jadual 4.5 Senarai item penerbitan kreatif dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu .....	232
Jadual 4.6 Senarai item ortografi kreatif dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu .....	245

Jadual 4.7	Senarai item akronim kreatif dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu .....	248
Jadual 4.8	Senarai item leksis kreatif dalam siri Geronimo Stilton .....	250
Jadual 4.9	Taburan item leksis kreatif dalam siri Geronimo Stilton .....	251
Jadual 4.10	Senarai item leksis kreatif dalam siri Harry Potter .....	257
Jadual 4.11	Taburan item leksis kreatif dalam siri Harry Potter .....	258
Jadual 4.12	Senarai item leksis kreatif dalam siri koleksi cerita pendek Enid Blyton .....	267
Jadual 4.13	Taburan item leksis kreatif dalam siri koleksi cerita pendek Enid Blyton .....	267
Jadual 4.14	Taburan jenis leksis kreatif mengikut teks sumber .....	269
Jadual 5.1	Taburan item leksis kreatif yang dinormalisasikan .....	271
Jadual 5.2	Taburan item leksis kreatif yang tidak dinormalisasikan .....	274
Jadual 5.3	Taburan item leksis kreatif yang dinormalisasikan mengikut jenis leksis (Geronimo Stilton) .....	275
Jadual 5.4	Item penerbitan kreatif yang dinormalisasikan dalam penterjemahan (Geronimo Stilton) .....	276
Jadual 5.5	Item akronim kreatif yang dinormalisasikan dalam penterjemahan (Geronimo Stilton) .....	277
Jadual 5.6	Item kata majmuk yang dinormalisasikan dalam penterjemahan (Geronimo Stilton) .....	279
Jadual 5.7	Item kata lakur yang dinormalisasikan dalam penterjemahan (Geronimo Stilton) .....	280
Jadual 5.8	Penggantian kehilangan unsur leksis kreatif (Geronimo Stilton) .....	282
Jadual 5.9	Taburan item leksis kreatif yang tidak dinormalisasikan (Geronimo Stilton) .....	282
Jadual 5.10	Item kata lakur yang tidak dinormalisasikan dalam penterjemahan (Geronimo Stilton) .....	283
Jadual 5.11	Item kata majmuk yang tidak dinormalisasikan dalam penterjemahan (Geronimo Stilton) .....	285

Jadual 5.12	Taburan item leksis kreatif yang dinormalisasikan mengikut jenis leksis (Harry Potter) .....	287
Jadual 5.13	Item akronim yang dinormalisasikan dalam penterjemahan (Harry Potter) .....	288
Jadual 5.14	Item kata majmuk yang dinormalisasikan dalam penterjemahan (Harry Potter) .....	289
Jadual 5.15	Item ortografi kreatif yang dinormalisasikan dalam penterjemahan (Harry Potter) .....	290
Jadual 5.16	Item penerbitan kreatif yang dinormalisasikan dalam penterjemahan (Harry Potter) .....	291
Jadual 5.17	Taburan item leksis kreatif yang tidak dinormalisasikan (Harry Potter) .....	291
Jadual 5.18	Item kata lakur yang tidak dinormalisasikan dalam penterjemahan (Harry Potter) .....	292
Jadual 5.19	Item penerbitan kreatif yang tidak dinormalisasikan dalam penterjemahan (Harry Potter) .....	293
Jadual 5.20	Item ortografi kreatif yang tidak dinormalisasikan dalam penterjemahan (Harry Potter) .....	294
Jadual 5.21	Item kata majmuk yang tidak dinormalisasikan dalam penterjemahan (Harry Potter) .....	296
Jadual 5.22	Item akronim kreatif yang tidak dinormalisasikan dalam penterjemahan (Harry Potter) .....	297
Jadual 5.23	Taburan item leksis kreatif yang dinormalisasikan mengikut jenis leksis (Cerita pendek Enid Blyton) .....	297
Jadual 5.24	Item kata majmuk yang dinormalisasikan dalam penterjemahan (cerita pendek Enid Blyton) .....	298
Jadual 5.25	Taburan item leksis kreatif yang tidak dinormalisasikan (Enid Blyton) .....	298
Jadual 5.26	Item kata majmuk yang tidak dinormalisasikan dalam penterjemahan (cerita pendek Enid Blyton) .....	299
Jadual 5.27	Tahap normalisasi leksis kreatif mengikut teks .....	299
Jadual 5.28	Taburan item leksis kreatif yang tidak dinormalisasikan mengikut teks .....	300

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>	
Rajah 1.1	Ringkasan hipotesis <i>Laws of Translation</i> di bawah teori Kajian Penterjemahan Deskriptif .....	13
Rajah 1.2	Ringkasan kerangka teori penyelidikan .....	14
Rajah 1.3	Ringkasan metodologi kajian.....	16
Rajah 2.1	<i>The Reading Systems Network</i> (Stafura & Perfetti, 2017:11).	37
Rajah 2.2	Skala kreativiti pembentukan perkataan baharu (Ladányi, 2000) .....	44
Rajah 2.3	Contoh baris <i>concordance</i> dalam Paraconc (Barlow, 2002) .....	60
Rajah 2.4	Hubungan antara Kajian Penterjemahan Deskriptif dan Teori Penterjemahan (Toury, 2012) .....	70
Rajah 3.1	Contoh paparan <i>word list</i> dalam Antconc .....	96
Rajah 3.2	Contoh paparan <i>concordance</i> dalam Antconc .....	97
Rajah 3.3	Contoh paparan <i>keyword list</i> dalam Antconc .....	98
Rajah 3.4	Contoh paparan British National Corpus (BYU-BNC) .....	98
Rajah 3.5	Contoh paparan Corpus of Contemporary American English (COCA) .....	99
Rajah 3.6	Contoh paparan padanan korpus selari dalam Paraconc .....	99
Rajah 3.7	Carta alir kajian .....	105
Rajah 4.1	Iklan Cheezy Wedges, KFC Malaysia (2020) .....	115
Rajah 4.2	Blok keju Swiss, Creativ Studio Heinemann, Getty Images (2020) .....	133
Rajah 4.3	Sleepytime Herbal Tea, Celestial Seasonings (2018) .....	137
Rajah 4.4	N° 5 Eau De Parfum Spray, Chanel (t.t.) .....	187

**PENTERJEMAHAN LEKSIS KREATIF DALAM SASTERA**  
**KANAK-KANAK TERPILIH DARIPADA BAHASA INGGERIS KEPADA**  
**BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN KORPUS**

**ABSTRAK**

Leksis kreatif ialah leksis baharu yang digunakan secara khusus oleh penulis sastera dalam sesuatu karya. Sehubungan itu, leksis kreatif mencerminkan gaya dan identiti unik seseorang penulis. Dalam sastera kanak-kanak, pembentukan leksis kreatif lazimnya didorong oleh faktor fonologi untuk menghiburkan serta memperkayakan pengalaman membaca kanak-kanak. Selain daripada itu, leksis kreatif juga mengasah kebolehan pembaca kanak-kanak untuk menggunakan strategi kognitif dalam menangani perkataan baharu termasuklah dalam teks bukan fiksyen dan teks akademik. Namun begitu, ciri unik seperti leksis kreatif tidak mudah untuk dihasilkan semula dalam penterjemahan. Hal ini menyebabkan terdapat kecenderungan untuk mengantikan keunikan dalam teks sumber dengan padanan yang bukan unik dalam teks sasaran. Kecenderungan juga boleh berlaku sebaliknya, iaitu untuk mengekalkan elemen leksis kreatif daripada teks sumber dalam teks sasaran dalam bentuk asal. Kedua-dua kecenderungan ini boleh diuraikan menerusi hipotesis *Laws of Translation* yang menyatakan bahawa kecenderungan sama ada untuk mengurangkan atau mengetengahkan elemen asing daripada teks sumber dalam penterjemahan bukan sahaja didorong oleh faktor kognitif, tetapi juga pelbagai faktor konteks penterjemahan. Berdasarkan tinjauan kajian awal, terdapat keperluan untuk mengkaji aspek leksis kreatif dalam teks sastera kanak-kanak dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu kerana tidak banyak data khususnya dalam

bentuk empirikal berkenaan terjemahan buku kanak-kanak bahasa Melayu walaupun penterjemahan memainkan peranan penting dalam industri buku kanak-kanak di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan dengan tiga matlamat utama iaitu pertama, untuk mengenal pasti bentuk dan jenis leksis kreatif dalam teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris terpilih, kedua, untuk mengenal pasti tahap kecenderungan penterjemahan leksis kreatif daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dan ketiga, untuk menghuraikan faktor di sebalik kecenderungan penterjemahan ini. Kajian ini dijalankan menggunakan model kajian penterjemahan leksis kreatif oleh Kenny (2001) yang berasaskan korpus. Kaedah korpus digunakan untuk membolehkan analisis dibuat menggunakan jumlah data yang besar secara terurus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya lima jenis leksis kreatif, dan terdapat kecenderungan yang berbeza bagi setiap teks. Kecenderungan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti jenis dan fungsi leksis kreatif dalam setiap teks, genre teks dan kumpulan umur pembaca sasaran. Akhir sekali, kajian ini juga mengemukakan satu set prosedur penterjemahan leksis kreatif yang boleh digunakan oleh penterjemah khususnya dalam konteks penterjemahan ke dalam bahasa Melayu.

# **THE TRANSLATION OF CREATIVE LEXIS IN SELECTED CHILDREN'S LITERATURE IN ENGLISH INTO MALAY: A CORPUS-BASED STUDY**

## **ABSTRACT**

Creative lexis are new words coined and used exclusively by literary authors in their own work. Therefore, creative lexis represents an author's literary style and identity. In children's literature, the formation of creative lexis is often phonologically motivated to entertain and enrich children's reading experience. In addition, discovery of creative lexis also trains child readers to employ effective cognitive strategies when dealing with new words found in academic and non-fiction texts. However, it is difficult to re-create unique elements including creative lexis in translation. As such, there is a tendency to replace unique elements in source texts with typical words in target texts. There are also tendencies for the opposite to happen, whereby unique elements from the source texts are retained in their original forms in the target texts. Both tendencies can be explained using the Laws of Translation hypothesis which states that unique elements are reduced or highlighted in translation, depending on not only cognitive but also various contextual factors. Based on reviews of previous studies, there is a need to study creative lexis and its translation into Malay because there are very limited information especially empirical data on Malay translations of children's books despite translation playing a crucial role in the Malaysian children's books industry. Therefore, this study is carried out to fulfil three main objectives. The first objective is to identify the forms and types of creative lexis in selected English children's literature, the second is to analyse the tendencies in the translation of these creative lexis and the third and final

objective is to explain the tendencies based on the patterns found through this study. The study is carried out based on a corpus-based research model for the translation of creative lexis by Kenny (2001). A corpus method is used as it allows for a large amount of data to be managed systematically. The study found five types of creative lexis, and that there are different translation tendencies for the three texts in the corpus of the study which could be represented in the form of a cline. The tendencies are influenced by several factors which are the types and functions of creative lexis in the texts, the genre of the texts as well as the age group of the target readers. Finally, the study suggests a set of procedures for translating creative lexis which could be applied by translators especially in the context of translation into Malay.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Bahagian ini membincangkan latar belakang kajian dan aspek-aspek lain yang mendasari kajian ini, iaitu objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, metodologi kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Bahagian ini juga mentakrifkan konsep-konsep utama yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.2 Latar belakang kajian**

Karya sastera kanak-kanak memainkan peranan penting sebagai instrumen pendidikan dan juga hiburan untuk kanak-kanak. Kepentingan sastera kanak-kanak diungkapkan oleh MacIntyre (1981:216) seperti berikut: “*Deprive children of stories and you leave them unscripted, anxious stutterers in their actions as in their words.*” Melalui pendedahan kepada sastera, kanak-kanak mempelajari kata dan idea baharu yang penting bukan sahaja untuk tujuan pendidikan tetapi juga untuk memupuk keyakinan dalam diri mereka. Rosen (2009) turut mengemukakan pendapat yang sama tentang kepentingan sastera kanak-kanak. Menurut beliau, “*Children who come from homes where books are being read get access to the kinds of abstract and complex ideas that you can only get hold of easily through exposure to extended prose. The rest are being fed worksheets.*” Menurut petikan ini, asas bahasa dan pemahaman konsep secara kukuh yang diperoleh melalui pembacaan karya sastera kanak-kanak adalah penting untuk menyokong kemahiran berfikir kanak-kanak. Hal ini seterusnya membolehkan kanak-kanak menjadi lebih yakin dalam apa-apa sahaja yang dilakukan

oleh mereka. Sastera kanak-kanak ternyata memainkan peranan penting untuk memastikan kanak-kanak membesar secara holistik.

Walaupun kepentingan sastera untuk pembesaran kanak-kanak sememangnya diperakui, bahan bacaan yang disediakan secara khusus untuk kanak-kanak ialah satu konsep yang agak baharu dan sehubungan itu agak terhad, khususnya di negara-negara membangun. Oleh sebab itu, bahan bacaan dalam bentuk terjemahan merupakan sebahagian besar sastera kanak-kanak di seluruh dunia (Čermáková, 2018). Di Malaysia, penterjemahan juga memainkan peranan penting dalam menggerakkan dan seterusnya mengembangkan industri buku untuk kanak-kanak. Bagi memenuhi lompong dalam keperluan bahan bacaan untuk kanak-kanak dalam bahasa Melayu, terjemahan sastera kanak-kanak telah dimulakan sejak abad ke-19 lagi (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005). Bertitik tolak daripada usaha penterjemahan oleh mubaligh Kristian pada abad ke-19, penterjemahan terus memainkan peranan penting dalam industri buku kanak-kanak di Malaysia, termasuklah selepas pembentukan Malaysia. Sementara itu, kajian oleh Sharifah Fazliyatun Shaik Ismail (2007) menunjukkan bahawa selepas tempoh kemuncak antara 1970-an hingga 1980-an, terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu semakin berkurangan sekitar akhir 1990-an, dan hal ini antara lain disebabkan oleh pertambahan penulisan bahan bacaan untuk kanak-kanak dalam bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, menjelang abad ke-21, terdapat kebangkitan dalam dunia sastera kanak-kanak moden di seluruh dunia yang menyaksikan karya-karya terkenal seperti siri Harry Potter menjadi fenomena di seluruh dunia (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005). Populariti luar biasa karya-karya ini mencetuskan kebangkitan baru dalam aktiviti penterjemahan sastera kanak-kanak, termasuklah ke dalam bahasa Melayu. Siri Harry Potter misalnya, telah diterjemahkan ke dalam lebih 70 bahasa

dengan lebih 450 juta cetakan di seluruh dunia dan mempunyai pengaruh yang besar bukan sahaja dalam industri buku kanak-kanak, malah dalam bidang kesusasteraan secara keseluruhannya.

Pemerhatian yang dijalankan terhadap judul buku kanak-kanak yang diterbitkan dalam bahasa Melayu dalam tempoh antara tahun 2008 sehingga tahun 2017 menunjukkan bahawa terdapat sekitar 1270 judul buku kanak-kanak yang merupakan terjemahan (Atikah Zabir & Haslina Haroon, 2020). Jumlah ini bukan sahaja lebih tinggi dibandingkan dengan 593 judul dalam tempoh kemuncak penerbitan teks terjemahan sastera kanak-kanak antara tahun 1974 hingga 1985, malahan lebih tinggi apabila dibandingkan dengan 950 judul terjemahan yang diterbitkan dalam tempoh antara tahun 1958 sehingga tahun 2003. Peningkatan ini menunjukkan trend yang seiring dengan peningkatan penerbitan buku kanak-kanak di Malaysia, dan pada masa yang sama membuktikan bahawa penterjemahan masih memainkan peranan utama yang menyumbang kepada sumber bacaan kanak-kanak dalam bahasa Melayu.

### **1.3 Pernyataan masalah**

Walaupun penterjemahan memainkan peranan penting dalam industri buku kanak-kanak, penyelidikan yang menumpukan kepada terjemahan sastera kanak-kanak, khususnya berkaitan penterjemahan ke dalam bahasa Melayu, masih terhad. Menurut Shahaneem Hanoum Dadameah yang merupakan pengurus Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia, masih banyak yang tidak diketahui secara tepat tentang sastera kanak-kanak di Malaysia (dalam Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005). Lebih lima belas tahun telah berlalu sejak pemerhatian ini dibuat, tetapi situasi ini berlanjutan sehingga ke masa kini. Chew Fong Peng dan Zahari Ishak (2010) menyentuh tentang

kekurangan penyelidikan berkenaan sastera kanak-kanak di Malaysia, terutamanya kajian yang bersifat saintifik. Hal ini seterusnya menyebabkan kesukaran dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penerbitan buku kanak-kanak di negara ini (Adlina Ismail & Normah Yusof, 2018). Sememangnya juga, menurut Chew Fong Peng dan Zahari Ishak (2010) lagi, peningkatan kuantiti penerbitan buku kanak-kanak di Malaysia tidak seiring dengan tahap kualiti penerbitan yang didapati kurang memuaskan.

Antara sarjana tempatan yang menjalankan penyelidikan tentang penterjemahan teks sastera kanak-kanak ialah Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail (2007), Md. Sidin Ahmad Ishak (1998/2005), Hadijah Rahmat (2006), Zalina Mohd Lazim (2006) dan Sakinah Sahuri Suffian Sahuri dan Fauziah Taib (2016). Kajian oleh Md. Sidin Ahmad Ishak (2005) meneliti penerbitan buku kanak-kanak dalam bahasa Melayu secara amnya, bermula dari abad ke-19 hingga tahun 2003. Bahagian pertama dalam kajian Sharifah Fazliyaton (2007) juga meneliti trend penerbitan terjemahan buku kanak-kanak kanak di Malaysia antara tahun 1958 hingga 2003, sebelum menumpukan kepada konteks sosiobudaya dan strategi dalam penterjemahan buku Enid Blyton ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1970-an. Kajian oleh Sakinah Sahuri Suffian Sahuri dan Fauziah Taib (2016) pula meneliti peranan aktiviti penterjemahan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Kajian-kajian lain lebih tertumpu kepada prosedur penterjemahan aspek bahasa yang terhad dalam sastera kanak-kanak, dan mengkaji satu karya khusus sahaja. Kajian oleh Atikah Zabir (2015), misalnya, mengkaji penterjemahan kata nama khas dalam novel *Harry Potter and The Goblet of Fire* ke dalam bahasa Melayu manakala kajian oleh Alimie Liman (2007) pula meneliti penterjemahan kata nama khas dalam *The Prince and The Pauper* ke dalam bahasa Melayu. Kanchana Devi

(2007) pula mengkaji penterjemahan kata taksa dalam novel *Harry Potter and The Chamber of Secrets*.

Kualiti dan kepelbagaian leksis dalam sastera kanak-kanak ialah salah satu kayu ukur atau petunjuk untuk kualiti sesebuah karya sastera kanak-kanak (Mesmer, 2016). Ciri-ciri bahasa dalam sastera kanak-kanak yang berkualiti menurut Bland (2013:8) adalah seperti berikut:

*Well-written children's literature is typically lexically dense and with idiomatic multi-word units: the 'idiom principle' that characterizes authentic discourse. There is stylistic cohesion such as marked lexical repetition, lexical chains and phonological patterns (e.g. rhythm and alliteration), explicit connectivity such as parallelisms, and the melodic tricolon (the rhetorical rule of three). As well as being linguistically appropriate for children, there are supportive visual iconicity (e.g. images and typographic experimentation) and aural iconicity (e.g. onomatopoeia and sound words).*

Antara ciri utama yang disenaraikan oleh Bland (2013:8) ialah kepelbagaian dan keunikan kosa kata dalam sastera kanak-kanak. Dalam petikan ini, Bland juga menekankan bahawa kosa kata dalam sastera kanak-kanak perlu sesuai untuk kanak-kanak. Hal ini demikian kerana penulis perlu mengambil kira perkembangan umur dan kemampuan kognitif kanak-kanak. Pemilihan leksis oleh penulis dan penterjemah sastera kanak-kanak bukan sahaja penting untuk memperkaya perbendaharaan kata kanak-kanak, tetapi juga mempengaruhi cara pembaca kanak-kanak memahami dunia dan peranan mereka dalam masyarakat (Eller, Pappas & Brown, 1988; Espinosa-Anke & Perez-Almendros, 2013; Ramesh Nair & Rosli Talif, 2010). Tambahan lagi, menurut Sinar (2018) yang mengkaji hubungan antara neologisme dengan perkembangan tahap kesedaran metalinguistik dalam kalangan kanak-kanak, penemuan perkataan baharu dan luar biasa dalam pembacaan buku cerita akan melatih kanak-kanak untuk menggunakan strategi kognitif dengan berkesan, dan seterusnya,

strategi ini akan membantu kanak-kanak dalam menangani mana-mana perkataan yang baharu, termasuklah dalam teks bukan fiksyen dan teks akademik.

Sehubungan itu, pembentukan perkataan baharu khususnya yang berbentuk kreatif ialah satu aspek penting dalam sastera kanak-kanak. Penulis mencipta leksis kreatif bukan sahaja untuk menyampaikan makna dan menghiburkan pembaca, tetapi juga sebagai cerminan latar masa dan masyarakat serta mengasah tafsiran pembaca. Pembentukan perkataan baharu ialah satu cara bahasa berkembang, seperti yang dapat dilihat melalui pertambahan daftar perkataan dalam kamus-kamus utama selaras dengan perkembangan zaman. Namun begitu, leksis kreatif lazimnya dicipta oleh penulis kesusasteraan bukan untuk tujuan penggunaan umum, dan sebaliknya kekal digunakan secara khusus dalam karya penulis tersebut sahaja. Perkataan ini lazimnya mempunyai ciri khusus yang melambangkan identiti karya dan penulis, serta menjadikan perkataan tersebut menonjol atau menarik perhatian. Dalam kata lain, pembinaan perkataan baharu ini ialah satu bentuk kreativiti penulis yang dizahirkan dalam bentuk leksis.

Konsep skala digunakan untuk menghuraikan fenomena leksis kreatif kerana kreativiti ialah satu perkara yang subjektif. Leksis kreatif yang benar-benar menarik perhatian berada pada spektrum kreativiti yang tinggi. Lazimnya, sesuatu leksis kreatif ini menarik perhatian kerana leksis ini terbentuk melalui pelanggaran daripada segi norma atau peraturan produktiviti dan tatabahasa walaupun ciri ini bukan satu kemestian dalam pembentukan leksis kreatif. Sehubungan itu, leksis kreatif seperti ini jarang berlaku atau wujud pada tahap kekerapan yang rendah. Namun begitu, leksis kreatif boleh memainkan peranan yang sangat penting dalam mencirikan sesuatu karya dan menambah nilai kepada pengalaman membaca.

Munat (2017) mengkaji penggunaan leksis oleh penulis sastera kanak-kanak. Beliau merumuskan bahawa kreativiti dalam penggunaan leksis merupakan satu cara penulis membina identiti dan gaya mereka sebagai penulis. Menurut beliau lagi, kebanyakan pembentukan leksis kreatif dalam sastera kanak-kanak didorong oleh elemen fonologi bagi tujuan menghiburkan kanak-kanak – “*... in children's literature the majority of creative formations are phonologically motivated, aiming at a ludic effect.*” (Munat, 2017:164).

Walau bagaimanapun, menurut Toury (1995/2012), ciri-ciri unik yang lahir daripada kreativiti penulis asal cenderung untuk digantikan dengan padanan yang lebih biasa dan tipikal bagi memenuhi norma dalam bahasa sasaran, juga dikenali sebagai normalisasi. Toury mencadangkan bahawa fenomena bahasa ini boleh dijelaskan melalui hipotesis *law of growing standardisation*. Sementara itu, lawan bagi hipotesis *law of growing standardisation* ialah *law of interference* yang menyatakan bahawa teks terjemahan cenderung mengandungi elemen asing daripada teks sumber. Kedua-dua hipotesis ini membentuk teori *laws of translation* yang dikemukakan oleh Toury (1995/2012) sebagai satu cara untuk menghuraikan fenomena bahasa yang berlaku dalam penterjemahan.

Dengan mengambil kira peranan penterjemahan dalam industri buku kanak-kanak di Malaysia, terdapat keperluan untuk mengkaji ciri bahasa dalam teks terjemahan, khususnya aspek leksis. Hal ini demikian kerana aspek leksis ialah salah satu aspek yang terabai dalam penyelidikan walaupun leksis ialah komponen utama untuk memaksimakan tahap kemahiran membaca dan pemahaman kanak-kanak (Sinar, 2018:6; Stafura & Perfetti, 2017). Sehubungan itu, kajian ini menumpukan kepada aspek leksis kreatif, untuk mengenal pasti bagaimana penterjemah di Malaysia menangani penterjemahan leksis kreatif dalam sastera kanak-kanak bahasa Inggeris

ke dalam bahasa Melayu. Kajian oleh Kenny (2001) adalah antara penyelidikan utama yang meneliti elemen leksis kreatif dan terjemahannya, untuk mengenal pasti bukan sahaja sejauh mana, tetapi juga konteks yang menyebabkan normalisasi berlaku. Kajian oleh Kenny ini memanfaatkan korpus GEPCOLT (*German-English Parallel Corpus of Literary Texts*), iaitu korpus selari teks kesusasteraan bahasa Jerman-Inggeris. Kajian oleh Vintar (2016) juga meneliti aspek leksis kreatif dengan membandingkan korpus teks terjemahan sastera kanak-kanak daripada bahasa Inggeris, Jerman, Perancis dan Itali ke dalam bahasa Slovene dengan korpus teks sastera kanak-kanak asal dalam bahasa Slovene. Pathong (2019) pula mengkaji penterjemahan unsur mainan kata dalam sastera kanak-kanak bahasa Inggeris ke dalam bahasa Thai. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan elemen leksis kreatif di Malaysia masih terhad. Secara lebih khusus lagi, setakat ini masih belum ada kajian yang menguji sejauh mana kebenaran hipotesis normalisasi leksis dalam terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, maklumat tentang fenomena bahasa dalam penterjemahan yang diperoleh daripada kajian terjemahan berasaskan korpus tidak lengkap sekiranya tidak disertakan dengan penjelasan di sebalik fenomena bahasa tersebut (Pym, 2008). Sehubungan itu, melalui hipotesis *law of growing standardisation* dan *law of interference*, Toury (1995/2012) mencadangkan pendekatan untuk menghuraikan konteks di sebalik pola atau kecenderungan dalam penterjemahan. Menurut Pym (2008), hipotesis Toury berkisar tentang sejauh mana penterjemah telah mengambil risiko dalam penterjemahan. Hal ini bermakna cara penterjemah menterjemah adalah berkait rapat dengan faktor konteks seperti status bahasa sumber berbanding dengan bahasa Sasaran, arahan terjemahan, jenis teks dan juga tahap populariti teks sumber.

Sejarah penterjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu menunjukkan aktiviti penterjemahan sentiasa dipengaruhi oleh konteks dan masyarakat. Buku kanak-kanak mencerminkan minda generasi yang menghasilkannya dan dapat menjadi panduan terhadap sejarah dan perkembangan sesebuah negara (Shahaneem Hanoum Dadameah, dalam Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005). Kajian oleh Sharifah Fazliyatun Shaik Ismail (2007) dan Zalina Mohd Lazim (2006) menghuraikan kecenderungan penterjemah menggunakan strategi berorientasikan sasaran bagi memenuhi keperluan penyatuan kaum melalui bahan bacaan dalam bahasa Melayu yang berlatarkan suasana muhibah selepas rusuhan perkauman 13 Mei 1969. Kajian oleh Atikah Zabir dan Haslina Haroon (2018) pula menunjukkan penggunaan strategi berorientasikan sumber untuk menterjemahkan novel Harry Potter yang disebabkan oleh kekangan yang ditetapkan pemilik hak cipta, berdasarkan nilai komersial dan populariti novel ini. Walaupun kajian-kajian ini telah menyumbangkan maklumat berkenaan penterjemahan sastera kanak-kanak di Malaysia, masih banyak aspek yang perlu dikaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih menyeluruh dan terkini tentang situasi penterjemahan sastera kanak-kanak di negara ini.

Secara tuntasnya, terdapat jurang dalam maklumat berkenaan fenomena bahasa dalam penterjemahan sastera kanak-kanak di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk mengenal pasti sejauh mana kebenaran hipotesis *laws of translation* dalam konteks penterjemahan buku kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu, serta menghuraikan faktor-faktor di sebalik fenomena bahasa tersebut berdasarkan maklumat trend atau pola daripada analisis penterjemahan.

## **1.4 Objektif kajian**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji ciri bahasa dalam terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu di Malaysia. Fokus kajian ini dijuruskan kepada aspek leksis kreatif, iaitu untuk meneliti bentuk dan fungsi leksis kreatif dalam teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris terpilih. Seterusnya, kajian ini juga meneliti sama ada elemen kreatif dalam bentuk leksikal yang terdapat dalam karya sastera kanak-kanak bahasa Inggeris lebih cenderung untuk dikenalkan melalui prosedur peminjaman atau sebaliknya, dinormalisasikan dengan perkataan biasa dalam penterjemahan ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini juga bertujuan untuk membandingkan kecenderungan dalam penterjemahan leksis kreatif berdasarkan teks bagi menentukan sama ada teks yang berbeza mempengaruhi ciri bahasa dalam penterjemahan sastera kanak-kanak. Secara khususnya, kajian ini mempunyai tiga objektif berikut:

- i. mengenal pasti dan mengklasifikasikan leksis kreatif dalam teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris terpilih,
- ii. mengenal pasti dan menghuraikan kecenderungan dalam penterjemahan leksis kreatif dalam teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris terpilih ke dalam bahasa Melayu berdasarkan hipotesis *laws of translation*,
- iii. mencerakinkan perkaitan antara jenis teks dan kecenderungan dalam penterjemahan leksis kreatif dalam teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris terpilih ke dalam bahasa Melayu.

## **1.5 Persoalan kajian**

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, berikut merupakan persoalan kajian ini:

- i. Apakah bentuk dan kategori leksis kreatif yang terdapat dalam teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris?
- ii. Apakah kecenderungan dalam penterjemahan leksis kreatif dalam teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu?
- iii. Apakah perkaitan antara jenis teks dengan kecenderungan penterjemahan leksis kreatif dalam teks sastera kanak-kanak bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu?

## **1.6 Kerangka teori**


Kajian ini didasari oleh teori Kajian Penterjemahan Deskriptif (*Descriptive Translation Studies*, DTS) yang dikemukakan oleh Gideon Toury (1995/2012) untuk menerangkan realiti dalam aktiviti penterjemahan. Menurut perspektif DTS, teks terjemahan ialah sejenis teks yang mempunyai ciri unik yang tersendiri, berbeza dengan teks asal. Setiap teks terjemahan berhasil daripada gabungan elemen kepadaan atau *adequacy*, iaitu elemen yang menunjukkan hubungan antara sesuatu hasil terjemahan itu dengan teks asal dalam budaya sumber, dan juga kebolehterimaan atau *acceptability*, iaitu elemen untuk memenuhi keperluan dalam budaya Sasaran. Hal ini demikian kerana walaupun teks terjemahan berasal daripada satu teks daripada bahasa dan budaya yang lain, perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam kajian penterjemahan ialah hakikat bahawa terjemahan dihasilkan untuk memenuhi fungsi khusus yang telah ditetapkan dalam konteks Sasaran. Sehubungan itu, menurut Toury, penterjemahan ialah satu aktiviti perantaraan budaya yang tertakluk bukan sahaja kepada perbezaan antara bahasa dan ciri textual, tetapi juga norma yang dipegang

oleh sesebuah komuniti. Norma ini menentukan cara atau pendekatan penterjemah dalam melakukan penterjemahan.

Bagi mengenal pasti norma penterjemahan ini, Toury mengesyorkan analisis korpus untuk meneliti teks terjemahan dalam jumlah yang besar, bagi mendapatkan maklumat tentang pola ciri linguistik dalam teks terjemahan. Kepatuhan kepada norma akan dapat dilihat dalam bentuk pola perbuatan yang kerap atau berulang-ulang, manakala sebarang pelanggaran norma akan dimanifestasikan dalam bentuk pola yang ganjil atau melanggar kebiasaan. Mengikut teori Kajian Penterjemahan Deskriptif, norma dalam penterjemahan boleh dimanifestasikan dalam bentuk hipotesis *laws of translation*, yang terbahagi kepada dua spektrum yang bertentangan iaitu hipotesis *law of growing standardisation* dan juga *law of interference*. Mengikut hipotesis *law of growing standardisation*, ciri-ciri unik dalam teks sumber cenderung untuk digantikan dengan padanan yang lebih tipikal dalam bahasa Sasaran. Sementara itu, menurut hipotesis *law of interference*, sifat teks terjemahan berbeza dengan sifat teks asal dalam bahasa Sasaran kerana teks terjemahan cenderung untuk mengandungi elemen atau sifat bahasa sumber.

Konsep *laws of translation* dikemukakan dalam bentuk hipotesis kerana darjah manifestasi kedua-dua hipotesis ini bergantung kepada pelbagai faktor berkaitan konteks penterjemahan seperti perbezaan status antara bahasa sumber dan bahasa Sasaran, genre teks, fungsi teks terjemahan dan sebagainya. Sehubungan itu, antara fokus kajian penterjemahan deskriptif ialah menghuraikan pendekatan dan kaedah penterjemahan yang dilaksanakan dalam konteks yang berbeza dan juga faktor-faktor yang mempengaruhi bagaimana penterjemahan dilaksanakan menggunakan data yang diperoleh daripada aktiviti penterjemahan sebenar. Faktor inilah yang membezakan konsep *laws of translation* oleh Gideon Toury dengan konsep berkaitan kesejagatan


penterjemahan atau *translation universals* kerana konsep *laws of translation* menekankan kepentingan faktor konteks dan norma penterjemahan, dan tidak menyatakan ciri linguistik dalam teks terjemahan sebagai satu manifestasi proses kognitif semata-mata. Mengikut konsep ini juga, walaupun *laws of growing standardisation* dan *law of interference* mempunyai pola yang bertentangan, kedua-dua fenomena ini dimanifestasikan dalam sesuatu teks terjemahan, cuma pada tahap atau darjah kekuatan yang berbeza. Ringkasan hipotesis *Laws of Translation* di bawah teori Kajian Penterjemahan Deskriptif dipaparkan dalam Rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1. Ringkasan hipotesis *Laws of Translation* di bawah teori Kajian Penterjemahan Deskriptif (Toury, 1995/2012)

Kajian ini menggunakan hipotesis *law of growing standardisation* dan *law of interference* sebagai kerangka analisis untuk mengkaji fenomena bahasa dalam penterjemahan, khususnya dalam konteks perjemahan sastera kanak-kanak bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Aspek yang menjadi fokus kajian ini ialah leksis kreatif. Analisis penterjemahan leksis kreatif dijalankan, untuk mengenal pasti tahap normalisasi dan peminjaman terutamanya sebagai satu kayu ukur kecenderungan dalam penterjemahan, yang diungkapkan dalam bentuk hipotesis *law of growing standardisation* dan *law of interference*. Penyelidikan ini diadaptasikan daripada

model penyelidikan penterjemahan leksis kreatif oleh Dorothy Kenny (2001), yang dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian metodologi kajian. Kerangka teori penyelidikan ini dipaparkan dalam Rajah 1.2 yang berikut.



Rajah 1.2. Ringkasan kerangka teori penyelidikan

## 1.7 Metodologi kajian

Metodologi kajian ini terbahagi kepada lima peringkat:


- (i) Pembinaan korpus selari,
- (ii) Analisis korpus teks sumber untuk mengenal pasti leksis kreatif,
- (iii) Analisis penterjemahan leksis kreatif,
- (iv) Analisis tahap kecenderungan normalisasi dan peminjaman leksis kreatif dalam penterjemahan berdasarkan teks,
- (v) Perbincangan dapatan kajian berdasarkan hipotesis *laws of translation* oleh Toury (1995/2012).

Judul-judul yang dikumpul untuk membina korpus dalam kajian ini terdiri daripada tiga siri, iaitu: (i) siri Geronimo Stilton, (ii) siri Harry Potter, dan (iii) siri koleksi cerita pendek Enid Blyton. Satu ciri penting yang diambil kira dalam pemilihan judul dalam kajian ini ialah ketersediaan kedua-dua teks sumber dan teks sasaran, supaya korpus selari dapat dibina. Judul-judul ini juga mempunyai genre dan

pembaca sasaran daripada tahap umur yang berbeza. Pertama sekali, siri cerita pendek Enid Blyton terdiri daripada cerita rakyat dan cerita pedoman untuk kanak-kanak yang baru belajar membaca, siri Geronimo Stilton pula ialah novel pendek daripada genre fantasi untuk kanak-kanak peringkat sekolah rendah dan siri Harry Potter juga ialah novel fantasi moden yang ditujukan untuk kanak-kanak dan remaja.

Kaedah penyelidikan penterjemahan leksis kreatif berasaskan korpus ini diadaptasikan daripada model penyelidikan oleh Kenny (2001). Model penyelidikan ini terbahagi kepada tiga peringkat. Peringkat pertama ialah analisis menggunakan peralatan korpus untuk mengenal pasti item leksis kreatif dalam korpus teks sumber menggunakan peralatan analisis korpus monolingual iaitu program Antconc. Dalam peringkat seterusnya, peralatan analisis korpus selari iaitu Paraconc digunakan untuk menganalisis padanan bagi setiap item leksis kreatif yang telah dikenal pasti, untuk menentukan sama ada item tersebut digantikan dengan padanan yang berbentuk umum, kreatif, atau dikekalkan dalam teks terjemahan melalui prosedur peminjaman. Seterusnya, analisis perbandingan tahap normalisasi dan peminjaman leksis kreatif berdasarkan jenis leksis kreatif dan juga teks dijalankan. Dalam kajian beliau, Kenny (2001) mengesyorkan perbandingan tahap normalisasi dalam penterjemahan berdasarkan faktor konteks dan demografik iaitu jenis teks, penterjemah dan penerbit. Hal ini demikian kerana faktor demografik mempengaruhi cara penterjemah menjalankan penterjemahan (*translational behaviour*). Walau bagaimanapun, disebabkan judul dalam korpus kajian ini yang terhad, analisis perbandingan mengikut penterjemah dan penerbit tidak dapat dilaksanakan. Sebaliknya, perbandingan tahap kecenderungan dalam penterjemahan hanya dijalankan mengikut jenis leksis dan juga teks, kerana teks dalam korpus kajian ini mempunyai genre dan pembaca dari tahap umur yang berbeza dan maklumat ini dapat menghuraikan sebahagian daripada

konteks yang mempengaruhi fenomena bahasa dalam penterjemahan. Ringkasan metodologi kajian adalah seperti dalam Rajah 1.3.



Rajah 1.3. Ringkasan metodologi kajian

## 1.8 Batasan kajian

Korpus kajian ini terhad kepada terjemahan lima siri sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu yang diterbitkan antara tahun 2002 hingga tahun 2016 sahaja, yang terdiri daripada penulisan kreatif dalam bentuk fiksyen. Walaupun puisi, buku ilmiah dan komik juga merupakan sastera kanak-kanak, genre-genre ini tidak dimasukkan ke dalam korpus kajian disebabkan beberapa faktor. Pertama sekali, dapatan awal penyelidikan ini menunjukkan hanya satu terjemahan dikenal pasti bagi teks jenis puisi. Data ini menunjukkan bahawa puisi masih belum memainkan peranan utama dalam aktiviti penterjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu. Tinjauan awal ini juga menunjukkan bahawa bahasa Inggeris membentuk sumber utama bagi terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu, iaitu lebih

daripada 70%. Sehubungan itu, kajian ini menumpukan kepada teks sastera kanak-kanak yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris dan berbentuk prosa sahaja. Walaupun jumlah terjemahan komik agak tinggi berbanding dengan puisi, sebahagian besar komik diterjemahkan daripada bahasa Korea dan Jepun. Faktor utama lain yang diambil kira dalam pemilihan korpus ini adalah sama ada kedua-dua teks sumber dan teks Sasaran boleh diperoleh. Selain daripada itu, disebabkan kreativiti bersifat sangat meluas dan subjektif, kaedah yang digunakan untuk mengenal pasti item leksis kreatif dalam kajian ini juga berkemungkinan tidak merangkumi semua bentuk leksis kreatif. Sebagai contoh, Kenny (2001) turut mengenal pasti kreativiti dalam bentuk kluster atau kolokasi, iaitu penggunaan perkataan dalam bentuk pasangan atau rangkaian yang unik. Namun begitu, kajian ini hanya menumpukan kepada leksis kreatif yang dapat dikenal pasti dalam bentuk satu perkataan sahaja menggunakan fungsi *word list* dan *keyword list*.

### **1.9 Kepentingan kajian**

Kajian-kajian lampau oleh penyelidik dalam bidang sastera kanak-kanak menunjukkan bahawa pemilihan leksis oleh penulis sastera kanak-kanak bukan sahaja penting untuk memperkayakan perbendaharaan kanak-kanak, malah pemilihan leksis juga mempengaruhi cara pembaca kanak-kanak memahami dunia dan peranan mereka dalam masyarakat (Eller, Pappas & Brown, 1988; Munat, 2007; Mesmer, 2016; Malmkjær, 2018; Espinosa-Anke & Perez-Almendros, 2013; Ramesh Nair & Rosli Talif, 2010). Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan oleh Adlina Ismail dan Normah Yusof (2018), kekurangan penyelidikan dalam bidang sastera kanak-kanak menyebabkan kesukaran dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penerbitan buku kanak-kanak di negara ini. Sehubungan itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi

maklumat tentang jenis-jenis leksis kreatif dalam sastera kanak-kanak, dan bagaimana penterjemah memindahkan leksis kreatif ini ke dalam bahasa Melayu. Dapatan ini juga diharapkan dapat memberi gambaran tentang bentuk kreativiti yang wujud dalam teks terjemahan sastera kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu, khususnya dalam aspek leksikal melalui contoh-contoh kreativiti yang dihasilkan semula menggunakan elemen daripada bahasa Melayu, malah juga konteks tempatan.

Seterusnya, dapatan daripada bahagian pertama kajian ini diharapkan dapat menyumbang maklumat tentang trend terkini dalam penerbitan terjemahan karya kesusasteraan kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu. Dapatan ini selaras dengan matlamat teori Kajian Penterjemahan Deskriptif iaitu untuk mengumpul sebanyak mungkin data bagi menghuraikan fenomena bahasa dalam penterjemahan, dan seterusnya dapat menerangkan realiti dalam pelbagai konteks aktiviti penterjemahan. Maklumat ini penting untuk membantu penyelidik-penyelidik, ibu bapa, guru dan pihak-pihak berkepentingan lain memahami jenis dan sumber bacaan yang terdapat dalam bahasa Melayu untuk kanak-kanak di Malaysia pada masa kini, khususnya daripada segi genre, bahasa sumber, dan penerbit yang menghasilkan bahan-bahan bacaan ini.

Selain daripada itu, korpus selari terjemahan karya sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu yang dibina dalam penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi asas kepada pembinaan korpus selari bahasa Melayu-bahasa Inggeris yang lebih besar pada masa hadapan, dan seterusnya dimanfaatkan untuk kegunaan kajian lanjut. Pembinaan korpus selari ini bukan sahaja penting untuk mengkaji kecenderungan dan norma dalam penterjemahan, tetapi juga untuk memahami faktor yang mempengaruhi kecenderungan tersebut, seperti yang dinyatakan oleh Kenny (2001:188) dalam petikan berikut:

*What is important is that corpora be annotated systematically with information on variables such as source text author and publisher, target text translator and publisher, demographic information on authors and translators, etc, so that as a corpus grows, the typical behaviour of individual or groups of translators, as well as factors that may condition such behaviour, can continue to be monitored in a systematic way.*

## **1.10 Definisi konsep**

Yang berikut merupakan takrifan beberapa konsep utama yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.10.1 Terjemahan sastera kanak-kanak**

Takrifan bagi sastera kanak-kanak dalam kajian ini ialah mana-mana bacaan yang dinyatakan sebagai sesuai untuk bacaan kanak-kanak sehingga umur 18 tahun. Sesuatu bahan bacaan diambil kira sebagai sastera kanak-kanak jika ia memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada dua kriteria berikut iaitu pertama, jika dinyatakan pada mana-mana bahagian bahawa bacaan tersebut adalah sesuai untuk kanak-kanak dan kedua, jika bahan bacaan tersebut tersenarai di bawah kategori bahan bacaan kanak-kanak dalam katalog penerbit atau perpustakaan. Sesuatu judul sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai terjemahan sekiranya judul tersebut memenuhi salah satu atau kedua-dua kriteria berikut iaitu pertama jika ia dinyatakan sebagai terjemahan, dan kedua jika nama penterjemah dinyatakan.

### **1.10.2 Leksis kreatif**

Leksis kreatif dalam penyelidikan ini digunakan untuk merujuk kepada item leksis yang dicipta atau digunakan dalam bentuk yang lain daripada biasa oleh seseorang penulis secara khusus dalam karya mereka sahaja, dan mempunyai ciri unik yang membuatkan item leksis tersebut menonjol pada penilaian pengkaji. Menurut

Kenny (2001:142), antara bentuk leksis kreatif ialah penggunaan perkataan sedia ada dalam cara yang baharu, dan juga penciptaan kata baharu atau *coinage*. Antara jenis leksis kreatif yang dikemukakan oleh Kenny (2001) hasil daripada penyelidikan beliau termasuklah ortografi kreatif (*creative orthography*), penerbitan kreatif (*creative derivation*), kata nama verbal kompleks (*complex verbal nouns*), dan juga bentuk gabungan atau majmuk (*compounds*).

### **1.10.3 Normalisasi**

Menurut Kenny (2001), normalisasi berlaku apabila penterjemah tidak menggunakan padanan yang konvensional atau sedia wujud dalam perbendaharaan kata bahasa sasaran sebagai penyelesaian bagi masalah yang timbul daripada kesukaran untuk menterjemahkan ciri kreatif atau unik daripada teks sumber. Normalisasi juga dikatakan berlaku apabila terjemahan mengandungi bilangan ciri bahasa kreatif dan unik yang kurang jika dibandingkan dengan teks sumber. Normalisasi leksis boleh berlaku pada peringkat perkataan secara individu dan juga secara kolokasi.

### **1.10.4 Peminjaman**

Peminjaman merujuk kepada pengekalan item leksis kreatif daripada teks sumber kepada teks sasaran dalam bentuk asal. Peminjaman boleh berlaku dalam bentuk peminjaman penuh atau separa. Contoh peminjaman penuh adalah apabila nama *Tubby Tumblemouse* dan *Kwikspell* dikekalkan dalam teks terjemahan bahasa Melayu. Sementara itu, contoh peminjaman separa adalah apabila nama *Timothy T. Tidytail* dan *Muggleborns* diterjemahkan kepada Timothy Si Pembersih dan ahli sihir Muggle.

### **1.10.5 Padanan kreatif**

Dalam kajian ini, padanan kreatif merujuk kepada penciptaan perkataan baharu untuk menggantikan item leksis kreatif daripada teks sumber dalam teks terjemahan. Padanan kreatif boleh terbentuk dalam bahasa sasaran sepenuhnya, contohnya apabila *Ratcatzraz Prison* diterjemahkan menjadi Penjara Pudutikus dan *Mirror of Erised* diterjemahkan menjadi Cermin Tarsah. Padanan kreatif juga boleh terbentuk melalui gabungan elemen daripada bahasa sumber dan bahasa sasaran, contohnya apabila nama *Van Der Raten* diterjemahkan menjadi Van Der Tikusen dan *Supermouse* diterjemahkan menjadi *Super Tikus*.

## **1.11 Organisasi kajian**

Kajian ini diuraikan dalam enam bab:

Bab 1 membincangkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kerangka teori, kaedah kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi beberapa konsep asas yang mendasari kajian ini dan organisasi kajian.

Bab 2 membincangkan kajian lampau yang berkaitan dengan kajian ini. Bab ini juga menghuraikan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini.

Bab 3 pula menghuraikan metodologi kajian dengan memberikan fokus kepada kaedah kajian, sumber data yang merangkumi teks sumber dan teks terjemahan yang dikaji, dan cara data dikumpul dan dianalisis.

Bab 4 menyenaraikan dan menghuraikan jenis-jenis leksis kreatif yang terdapat dalam sastera kanak-kanak bahasa Inggeris yang dikenal pasti melalui analisis korpus monolingual. Bab ini juga menghuraikan penterjemahan item leksis kreatif ini, untuk mengenal pasti tahap normalisasi dan peminjaman dalam penterjemahan item-item leksis kreatif tersebut melalui analisis korpus selari.

Bab 5 mengandungi analisis perbandingan tahap normalisasi dan peminjaman leksis kreatif berdasarkan teks. Bab ini juga membandingkan dapatan kajian dengan hipotesis *Laws of Translation*.

Akhir sekali, Bab 6 merumuskan keseluruhan kajian.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KEPUSTAKAAN DAN KERANGKA TEORI**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bahagian ini meninjau beberapa aspek yang berkaitan dengan kajian ini. Pertama sekali, bab ini menelusuri sejarah perkembangan penterjemahan sastera kanak-kanak di Malaysia, untuk menunjukkan peranan penterjemahan dalam menggerakkan industri buku kanak-kanak di Tanah Melayu dan juga selepas pembentukan Malaysia. Seterusnya, takrifan dan pengelasan untuk sastera kanak-kanak dihuraikan. Dalam bahagian ketiga, kepentingan sastera kanak-kanak turut dibincangkan, dengan fokus utama penerangan diberikan kepada kepentingan aspek leksis dalam sastera kanak-kanak. Bahagian keempat menghuraikan tafsiran dan pengelasan bagi leksis kreatif. Bahagian kelima pula mengandungi sorotan kajian berkenaan leksis yang memanfaatkan kaedah korpus. Bahagian keenam dikhususkan untuk sorotan kajian tentang penterjemahan leksis kreatif. Dalam bahagian ketujuh dan kelapan, kerangka teori untuk kajian ini dihuraikan. Akhir sekali, bab ini merumuskan latar belakang dan kerangka teori yang menjadi asas kepada kajian ini.

#### **2.2 Sejarah perkembangan aktiviti penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Malaysia**

Penterjemahan buku kanak-kanak di Tanah Melayu yang dimulakan oleh golongan mubaligh Kristian pada abad ke-19 merupakan sebahagian daripada asas penerbitan buku secara khusus untuk kanak-kanak di negara ini. Menurut rekod Proudfoot (1993), antara buku kanak-kanak terawal dalam bahasa Melayu ialah sebuah terjemahan berjudul *Kitab Bacaan Kanak-Kanak yang Dinyatakan dengan Gambar-Gambarnya* (1840) dan *Henry dengan Pengasuhnya, Abdullah* (1840) yang

diterjemahkan oleh B.P. Keasberry, seorang mubaligh Kristian. Satu lagi judul terjemahan terawal di Tanah Melayu ialah *Ilmu Kepandaian* (1840, 1866) yang diterjemahkan oleh tokoh tempatan iaitu Munsyi Abdullah.

Tujuan utama penerbitan mubaligh Kristian adalah untuk membina kemahiran literasi dalam kalangan penduduk Tanah Melayu bagi memudahkan kerja penyebaran teks-teks keagamaan Kristian. Oleh sebab itu, orang Melayu yang beragama Islam tidak memberikan respon yang positif kepada penerbitan mubaligh. Sambutan dingin ini menyebabkan golongan mubaligh Kristian mengalihkan tumpuan ke China sekitar 1840-an dan pihak kerajaan penjajah British mengambil alih pengendalian sekolah Melayu dan penerbitan buku sekolah (Proudfoot, 1993; Md Sidin Ahmad Ishak, 2005). Pejabat Terjemah Menterjemah ditubuhkan di bawah pengurusan Pengarah Pelajaran kerajaan British untuk menterjemah buku-buku bagi kegunaan di sekolah Melayu.

Antara judul terjemahan buku kanak-kanak yang diterbitkan oleh kerajaan kolonial ialah *Jalan Kepandaian* (1876, 1914) yang merupakan edisi semakan semula *Ilmu Kepandaian* (1840, 1866). Kebanyakan judul terjemahan yang dihasilkan dalam tempoh ini ialah buku teks sekolah tetapi terdapat juga buku-buku cerita yang diterjemahkan, iaitu *Robinson Crusoe* (1893), *Hikayat Penerang Hati* (1901) dan *Si Hitam yang Cantik* (1913). Selain Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir, antara tokoh tempatan lain yang turut terlibat pada peringkat awal penterjemahan buku kanak-kanak di Tanah Melayu ialah Syed Mahmud bin Syed Abdul Kadir al-Hind, Alang Ahmad Muhammad Yunus dan Abdul Majid bin Haji Zainuddin. Syed Mahmud bin Syed Abdul Kadir al-Hind menterjemahkan *Kejadian Selerah Anggota* (1891) dan *Ilmu Peladang* (1892). Beliau juga menyunting pelbagai judul asal dan terjemahan lain termasuklah *Hikayat Pancatanderan* (1887) untuk kegunaan pelajar sekolah. *Hikayat Pancatanderan* ialah sebuah karya daripada bahasa Tamil yang telah